

# Konsep Warisan Bersama Manusia Sejagat Di Dalam Undang-undang Laut Antarabangsa:

## Perspektif Negara Dunia Ketiga<sup>1</sup>

### 1.0 PENDAHULUAN

Undang-undang Laut merupakan salah satu cabang penting di dalam undang-undang antarabangsa. Kewujudan cabang undang-undang ini merupakan antara cabang yang tertua berbanding cabang undang-undang antarabangsa seperti perperangan, hak asasi manusia, alam sekitar dan sebagainya.<sup>2</sup> Justeru, kewujudannya sebagai Perlembagaan Lautan bukan sahaja penting malahan dibuktikan penerimaannya ditandatangani banyak negara tidak kira berdasarkan rantau, negara barat atau timur, negara maju atau membangun, pesisir pantai atau sebaliknya.<sup>3</sup>

Undang-undang laut antarabangsa mengalami perkembangan yang sangat signifikan sehingga hari ini. Bermula dengan konvensyen undang-undang laut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang pertama di adakan pada tahun 1958. Setelah itu, konvensyen undang-undang laut kedua PBB di adakan di Geneva pada tahun 1960. Dan akhirnya pada tahun 1974 hingga tahun 1982, konvensyen undang-undang laut PBB ketiga di gubal. Zou Keyuan menyatakan konvensyen undang-undang laut antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCLOS) telah memuktamadkan dan meregulasi undang-undang laut sebelum tahun 1970 an dan ia juga adalah merupakan perlumbagaan kepada lautan.<sup>4</sup>

UNCLOS pada tahun 1982 itu juga bukan sahaja menjadi perundang-undangan utama berhubung undang-undang laut tetapi juga memberikan ruang terhadap beberapa konsep baru khususnya ketika UNCLOS III diperbahaskan. Ini dapat dilihat dengan penerimaan konsep

---

<sup>1</sup> Artikel ini merupakan pandangan penulis semata-mata dan tidak mewakili mana-mana pihak dan penulis boleh dihubungi melalui idzuafi@yahoo.com

<sup>2</sup> Zou Keyuan, 2009, *New Development in the International Law of Piracy*, *Chinese Journal of International Law*, Vol. 8, No.2, muka surat 323-345.

<sup>3</sup> Tommy Koh, *A Constitution for the Ocean*, ucapan Presiden pada 6 dan 11 Disember 1982 di sesi terakhir Persidangan di Teluk Montego.

<sup>4</sup> Zou Keyuan, 2005, *Implementing United Nations Convention on Law of the Sea in East Asia: Issues and Trends*, Singapore Year Book of International Law, muka surat 37.

seperti Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ), kewujudan klausa berhubung penjagaan alam maritim, dan sebagainya.<sup>5</sup> *Ini termasuklah penerimaan konsep Warisan Sejagat Bersama Manusia yang mula-mula diperkenalkan di dalam UNCLOS pada tahun 1967.* Konsep ini merupakan kaedah baru pembahagian kekayaan di kalangan masyarakat bumi dan juga merupakan konsep yang melibatkan pertembungan idea lama dan baru.<sup>6</sup>

Menurut S. Jayakumar, UNCLOS III signifikan dan komprehensif disebabkan beberapa perkara. Pertama, kewujudan regim baru Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) yang melebarkan lagi wilayah negara pesisir laut dengan keabsahannya sehingga 200 batu nautika. Kedua, penerimaan laluan transit (transit passage) melalui Selat dengan tujuan penggunaan pelayaran antarabangsa termasuk juga penerimaan laluan jalan laut kepulauan (archipelagic sea lane passage). Ketiga, diwartakan **regim mengeksplorasi sumber di dasar laut dalam**. Dan keempat, penubuhan mekanisme penyelesaian melalui resolusi secara aman dengan kewujudan Tribunal Undang-undang laut Antarabangsa.<sup>7</sup>

Oleh yang demikian, *kertas ini akan melihat dan memperincikan secara kritis Konsep Warisan Bersama Manusia Sejagat yang telah diperkenalkan Arvid Pardo pada tahun 1967 dalam perspektif negara dunia ketiga, prinsip-prinsip konsep Warisan Bersama yang diterima pakai di dalam Undang-undang Laut Antarabangsa serta kesan Perjanjian 1994 terhadap keseluruhan konsep ini dalam meregulasi sumber galian di dasar laut dalam pada masa hadapan.*

---

<sup>5</sup> Tullio Scovazzi, *The Concept of Common Heritage of Mankind and the Resources of the Sea Bed Beyond the Limit of National Jurisdiction*.

<sup>6</sup> Antonio Cassese, *International Law in a Divided World*, Oxford University Press, 1986, muka surat 376.

<sup>7</sup> S. Jayakumar, *Speeches UNCLOS-Two Decades*, Singapore Year Book of International Law and Contributors, 2005 SYBIL 1-8, muka surat 1.

## 2.0 Undang-undang Laut Antarabangsa

Undang-undang Laut Antarabangsa merupakan suatu peraturan, regulasi dan prinsip-prinsip yang mengikat negara-negara berkaitan hubungan antarabangsa khususnya berkaitan perkara-perkara maritim.<sup>8</sup> Prof. Churchill menambah undang-undang ini menitikberatkan undang-undang yang diterima pakai ketika aman dan tidak melibatkan undang-undang persendirian antarabangsa.<sup>9</sup>

Sejarah undang-undang laut di peringkat antarabangsa mempunyai sejarah yang panjang. Bermula dengan undang-undang di peringkat negara masing-masing sehingga satu ketika, sejarah menunjukkan undang-undang laut tidak pernah menemui jalan penyelesaian. Ini kerana terdapat dua teori serta fahaman ketika itu berhubung undang-undang laut. Satu, ia dikenali sebagai *Mare Clausum* di mana fahaman ini percaya laut serta khazanahnya boleh dimiliki dan dikuasai. Teori ini di bawa John Selden pada 1635 melalui bukunya *Mare Clausum Sea De Dominio Maris*. Kedua, fahaman yang dibawa Hugo Grotius di dalam bukunya *Mare Liberum*, memperkatakan secara prinsipnya sesuatu yang tidak boleh dirampas dan jauh tidak boleh dijadikan hak milik, dan ia milik semua orang dan kegunaannya adalah untuk keseluruhan manusia.<sup>10</sup> Grotius merujuk kedudukan Laut Dalam, tiada seorang boleh mengakui hak dominasi eksklusif terhadap hak perikanan (menangkap ikan) atau hak eksklusif pelayaran. Pada kurun ke 18, pandangan dan teori Grotius mendominasi berbanding pandangan dan teori Selden dimana negara pesisir pantai dibenarkan untuk menuntut sebahagian kecil hujung pesisir pantainya bagi tujuan perikanan dan secara tidak langsung hak yang bebas tidak dimiliki sesejapa.<sup>11</sup>

Bagi kedudukan yang melebihi dari hak negara pesisir pantai ketika itu, laut dan sumbernya dikenali dengan prinsip *res communis* dan ia tertakluk kepada laut yang bebas dari milikan sesejapa. Terdapat tiga teori yang berbeda dalam menentukan jarak jauh hak milik keabsahan sesebuah negara terhadap perairan wilayah pada zaman dahulu. Pertama, doktrin yang

---

<sup>8</sup> R. R Churchill and A.V Lowe, *The Law of the Sea*, Third Edition, Juris Publishing, Manchester University Press, muka surat 1.

<sup>9</sup> Ibid muka surat 1.

<sup>10</sup> Tommy Koh, *Malaya Law Review* 1983.

<sup>11</sup> Tommy Koh, *Malaya Law Review* 1983.

berpandukan pada jarak penglihatan mata di mana sejauh mana negara pesisir pantai boleh menuntut kelebaran laut dari pesisirannya bergantung kepada sejauh mana pandangan mata manusia boleh melihatnya. Kaedah kedua, hukum tembakan meriam yang membenarkan jarak negara pesisir pantai melebarkan tuntutan pantainya bergantung kepada tembakan meriam yang menghala ke pantai. Dan hukum ketiga berdasarkan Liga Marin, yang berasal dari negara-negara Scandinavia dimana amalan menuntut kelebaran pesisir pantai sebanyak tiga batu nautika merupakan limitasi yang dibenarkan bagi perairan wilayah. Pada akhir kurun ke 19, tiga batu nautika bagi perairan wilayah telah menjadi hampir di terima di kebanyakan negara di dunia.<sup>12</sup>

Kejatuhan Orde Lama undang-undang laut di katakan bermula pada tahun 1930 apabila prinsip yang beratus tahun lamanya diterima pakai mula merosot diterima pakai negara baru pada awal tahun tersebut.<sup>13</sup> Beberapa peristiwa kegagalan persidangan berhubung perairan wilayah, tindakan British tidak mempertahankan prinsip 3 batu nautika dan kemunculan Proklamasi Truman dikatakan antara punca kejatuhan orde lama undang-undang laut antarabangsa.<sup>14</sup>

Pada tahun 1958, PBB mengadakan Persidangan Pertama berhubung Undang-undang Laut Antarabangsa. Persidangan ini berjaya merumuskan dan menerima pakai empat keputusan termasuklah Konvensyen Perairan Wilayah dan Zon Berdampingan, Konvensyen Perikanan dan Sumber Hidupan di Laut Dalam, Konvensyen Laut Lepas, dan Konvensyen Pelantar Benua.<sup>15</sup> Walau bagaimana pun, konvensyen tersebut gagal memuktamadkan bagi menentukan perairan wilayah. Pada tahun 1960, Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa Kedua PBB juga gagal menerima jarak perairan wilayah. Dan UNCLOS ketiga dimana rundingan demi rundingan diadakan pada tahun 1974 hingga 1982 menerima beberapa keputusan baru yang dikatakan hampir lengkap keseluruhannya berbanding cabang-cabang undang-undang antarabangsa yang lain.

---

<sup>12</sup> Tommy Koh, *Negotiating A New World Order For the Sea* in Frederick E. Snyder and Surakiart Sathirathai, 1987, *Third World Attitudes Toward International Law An Introduction*, Martinus Nijhoff Publishers, muka surat 716.

<sup>13</sup> Ibid, muka surat 717.

<sup>14</sup> Ibid, muka surat 717.

<sup>15</sup> Shigeru Oda, *Comment: Some Reflections on Recent Developments in the Law of the Sea*, The Yale Journal of International Law, 2002, muka surat 1.

Berdasarkan konvensyen undang-undang laut antarabangsa yang ‘baru’ di tandatangani itu, setiap negara pesisir pantai berhak untuk melaksanakan zon maritim mengikut bidang kuasanya.<sup>16</sup> Justeru, zon maritim di bawah Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa boleh dibahagikan kepada beberapa zon. Ini termasuklah Laut Wilayah (territorial sea), Zon Berdampingan (contiguous zone), Zon Ekonomi Eksklusif (economics exclusive zone), Laut Lepas (high seas), pelantar benua dan kawasan dasar laut dalam (deep seabed area).<sup>17</sup>

Berdasarkan Artikel 3, setiap negara mempunyai hak untuk membentuk kelebaran Laut Wilayah sehingga tidak melebihi 12 batu nautika.<sup>18</sup> Kelebaran Laut Wilayah ini perlu dikira berasaskan garis pangkal di mana air surut sepanjang pesisiran pantai sepertimana yang telah ditandakan di dalam carta yang diiktiraf negara.<sup>19</sup> Zon Berdampingan terbentuk tidak melebihi 24 batu nautika dari garis pangkal selepas kelebaran Laut Wilayah dikira.<sup>20</sup> Zon Ekonomi Eksklusif pula merupakan kawasan yang melebihi dan berdekatan dengan Laut Wilayah<sup>21</sup> dan jaraknya tidak melebihi 200 batu nautika bermula dari garis pangkal dimana kelebaran Laut Wilayah dikira.<sup>22</sup> Dan terakhir peruntukan berhubung Laut Lepas meliputi semua sekali yang tidak terkandung di dalam Zon Ekonomi Eksklusif, Laut Wilayah atau Laut Dalam atau perairan kepulauan di dalam negara kepulauan.<sup>23</sup>

---

<sup>16</sup> Zou Keyuan, 2005, *Implementing United Nations Convention on Law of the Sea in East Asia: Issues and Trends*, Singapore Year Book of International Law, muka surat 37.

<sup>17</sup> Haniff Ahamat, 2009, *Satu Tinjauan Awal: Kemungkinan Perluasan Zon Maritim Singapura Kesan Kes Pulau Batu Puteh*, Jurnal Pemikir, Kumpulan Utusan Malaysia, muka surat 114.

<sup>18</sup> Artikel 3, UNCLOS 1982

<sup>19</sup> Artikel 5, UNCLOS 1982


<sup>20</sup> Artikel 33 (2), UNCLOS 1982

<sup>21</sup> Artikel 55, UNCLOS 1982

<sup>22</sup> Artikel 57, UNCLOS 1982

<sup>23</sup> Artikel 86, UNCLOS 1982

## LEGAL REGIMES OF THE OCEANS AND AIRSPACE



Oleh yang demikian, kedudukan dasar laut dalam yang melebihi 200 batu nautika sebagai kawasan warisan bersama manusia sangat sesuai serta selari dengan fakta ianya sebagai persempadanan terakhir bumi<sup>25</sup> dan bebas dari perundangan manusia dalam memastikan ia dapat diwariskan kepada generasi masa hadapan.

### Sejarah Konsep Warisan Bersama Manusia Sejagat

Konsep Warisan Bersama Manusia Sejagat bukanlah sesuatu yang asing di dalam konteks undang-undang antarabangsa. Terdapat beberapa perjanjian, konvensyen dan 'treaty' (persetiaan) yang termeterai di kalangan negara-negara di dunia yang menyentuh secara langsung dan tidak langsung berhubung konsep ini. Contohnya Persetiaan Bulan (Moon Treaty), Perjanjian Antartika, Perjanjian Laut Antarabangsa dan sebagainya. Selain itu, konsep warisan sejagat ini juga merapatkan lagi jurang di antara negara-negara maju dan negara-negara membangun, negara utara dan selatan, dunia barat dan timur serta sebagainya.

<sup>24</sup> Clive Schofield, Maritime Zones and Jurisdictions, University of New South Wales.

<sup>25</sup> Nazery Khalid, Laut Dalam: Menyelamatkan Persempadanan Terakhir Dunia, Institut Maritim Malaysia, [www.mima.org.my](http://www.mima.org.my)

Pada tahun 1959 melalui Perhimpunan Agung PBB menubuhkan Jawatankuasa PBB berhubung Ruang Angkasa secara Aman dan akhirnya draf berhubung Persetiaan Prinsip Mengawal Aktiviti Negara Mengeksplorasi Penggunaan Ruang Angkasa ditandatangani di dalam tahun 1969. Walaupun prinsip ini tidak dijelaskan secara jelas berhubung Warisan Bersama Manusia Sejagat namun ia menyatakan negara hanya boleh menggunakan ruang angkasa bagi kegunaan bersama negara secara keseluruhannya dan ia harus menjadi hak milik untuk semua.<sup>26</sup> Persetiaan ini akhirnya menjadi asas rangka kepada regim antarabangsa berhubung ruang angkasa.

*'Persetiaan Ruang Angkasa'* yang terkandung di dalamnya Prinsip Deklarasi menyenaraikan elemen-elemen prinsip warisan bersama manusia sejagat. Walaupun Persetiaan ini tidak secara langsung menyebut warisan bersama manusia sejagat tetapi di dalam peruntukan yang lain mempunyai maksud yang sama.<sup>27</sup> Ini dapat dilihat di dalam peruntukan yang menyatakan negeri yang mengeksplorasi dan menggunakan ruang angkasa ‘untuk kebaikan dan kepentingan semua negara’ dan ‘ruang angkasa perlu menjadi jajahan kepada semua manusia’.<sup>28</sup> Peruntukan lain juga ada menyebut berhubung melarang sebarang usaha menguasai ruang angkasa khususnya di dalam Artikel II. Eksplorasi dan penggunaan ruang angkasa perlulah selari dengan prinsip undang-undang antarabangsa demi menjamin *‘keselamatan dan keamanan antarabangsa’*. Artikel IV pula melarang sebarang pembawaan, memasang, atau menempatkan senjata nuklear atau senjata lain di ruang orbit.

Pada tahun 1971, Rusia dan Argentina mencadangkan dan draf terakhir dibuat pada tahun 1979.<sup>29</sup> Persetiaan Bulan dicadangkan dan di dalam Artikel 11 memperuntukkan ‘bulan dan sumber semulajadinya adalah Warisan Bersama Manusia Sejagat’. Peruntukan ini juga menyatakan bahawa bulan bukanlah subjek untuk dikuasai. Artikel 11(7)d pula menyatakan kesaksamaan pembahagian dari manfaat yang diambil dari sumber ini. Dan jika berlakunya

---

<sup>26</sup> Edward Guntrip, *'The Common Heritage of Mankind: An Adequate Regime For Managing the Deep Seabed?'*, Melbourne Journal of International Law, 2003, Vol 4.

<sup>27</sup> Ibid.

<sup>28</sup> Gennady Danielke, Outer Space and the Multilateral Treaty-Making Process' (1989) 4 High Technology Law Journal 217, 218.

<sup>29</sup> Edward Guntrip, *'The Common Heritage of Mankind: An Adequate Regime For Managing the Deep Seabed?'*, Melbourne Journal of International Law, 2003, Vol 4.

pembahagian ini, maka pertimbangan khas harus diberikan terhadap negara membangun dan juga negara yang menyumbang secara langsung dan tidak langsung terhadap eksplorasi bulan.

Persetiaan Bulan hanya diratifikasi 10 buah negara dan ditandatangani kemudian lebih 5 buah negara.

Dengan penerimaan *Persetiaan Antartika*, tujuh buah negara telah mengabsahkan tuntutan terhadap sebahagian Antartika. Antara negara yang membuat tuntutan ini adalah Argentina, Australia, Chile, Perancis, New Zealand, Norway dan United Kingdom. Kesemua negara ini membuat tuntutan berdasarkan banyak faktor antaranya penemuan, proklamasi berhubung keabsahan, penubuhan kajian saintifik, keadaan geografi dan sebagainya.

Pada awal Perang Dingin, Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet menyatakan secara jelas keinginan dua buah kuasa besar ni terhadap Antartika disebabkan potensi yang ada dalam ketenteraan di kawasan tersebut. Ini dapat dilihat dengan penubuhan Jawatankuasa Sainstifik berhubung Kajian Antartik (SCAR) dan deklarasi di dalam tahun 1957 dan 1958 Tahun GeoFizik Antarabangsa. Dan selepas itu peningkatan keinginan sainstifik megkaji Antartik dan perundingan berhubung Persetiaan Antartik dibuat pada tahun 1959.

Selepas Perang Dunia Kedua di dalam tahun 1945 sehingga tahun 1960, negara-negara baru dan merdeka telah banyak muncul ibarat cendawan selepas hujan.<sup>30</sup> Kebanyakan negara-negara baru yang dimerdekaan ini mencapai kemerdekaan mereka melalui pelbagai cara seperti peperangan, penumpahan darah, paksaan atau sukarela dari penjajah yang membawa sikap yang berlainan terutama pandangan negara dunia ketiga terhadap undang-undang antarabangsa dari aspek undang-undang laut.

Contohnya di dalam Undang-undang Laut Antarabangsa di dalam tahun 60 an dan 70 an, negara dunia ketiga ini tidak lagi mencedok dan menggunakan prinsip asas menentukan jajahan lautan mereka berasaskan pendapat penjajah (3 batu nautika) bahkan meluaskan perairan wilayah

---

<sup>30</sup> S.P Jagota, 2000, Development in the Law of the Sea between 1970 and 1998: A Historical Perspective Journal of the History of International Law, Kluwer of International Law.

sehingga 12 batu nautika. Kedua, akibat kekurangan tenaga sumber manusia, pegawai yang mahir maka kuranglah birokrasi yang menyebabkan mereka hanya mengetahui perlu menjaga kedudukan negara mereka di dalam undang-undang laut antarabangsa. Ketiga, negara dunia ketiga meminta diadakan persidangan undang-undang laut yang ‘dilihat’ sebagai baru memandangkan peraturan yang terikat sebelum ini membawa suara penjajah dan tidak memihak kepada mereka. Oleh itu maka lahirkan konsep Warisan Bersama Manusia Sejagat antara yang dilihat sebagai kejayaan suara negara dunia ketiga ini.

Pada akhir abad ke 19, para saintis telah menemui *polymetallic nodules* di dasar laut dalam. Jumlah yang cukup banyak ini dikatakan mencukupi bagi melombong batuan ini.<sup>31</sup> Namun, sebenarnya kajian berhubung penemuan, penggunaan teknologi untuk tujuan komersial dan pelbagai lagi telah di beri perhatian John L.Mero dalam bukunya *The Mineral Resources of the Sea* pada tahun 1965 dan dimajukan ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1968.<sup>32</sup>

Konsep Warisan Bersama Manusia Sejagat di dalam undang-undang laut antarabangsa mula diperkenalkan ke seantero dunia melalui ucapan penting yang dibuat Dr Arvid Pardo<sup>33</sup>, Wakil Tetap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 1 November 1967 di Perhimpunan Agung PBB. Dr Arvid Pardo ketika itu juga merupakan Wakil Tetap Negara Malta telah memperkenalkannya dengan tujuan untuk mengawal persaingan ketenteraan di kalangan negara-

---

<sup>31</sup> Edward Guntrip, ‘The Common Heritage of Mankind: An Adequate Regime For Managing the Deep Seabed?’, Melbourne Journal of International Law, 2003, Vol 4.

<sup>32</sup> S.P Jagota, 2000, Development in the Law of the Sea between 1970 and 1998: A Historical Perspective Journal of the History of International Law, Kluwer of International Law, muka surat 93.

<sup>33</sup> Intipati ucapan Arvid Pardo ‘....will lead to a competitive scramble for sovereign rights over the land underlying the world’s seas and oceans, surpassing in magnitude and in its implications last century’s colonial scramble for territory in Asia and Africa. The consequences will be very grave: at the very least a dramatic escalation of the arms race and sharply increasing world tensions, also caused by the intolerable injustice that would reserve the plurality of the world’s resources for the exclusive benefit of less than a handful of nations. The strong would get stronger, the rich richer, and among the rich themselves there would arise an increasing and insuperable differentiation between two or three and the remainder. Between the very few dominant powers, suspicions and tensions would reach unprecedented levels. Traditional activities on the high seas would be curtailed and at the same time, the world would face the growing danger of permanent damage to the marine environment through radioactive and other pollution: this is a virtually inevitable consequence of the present situation.

negara maju yang mempunyai teknologi tinggi bagi eksplorasi dan eksloitasi sumber semula jadi di dasar laut dalam.

Ini kerana berdasarkan prinsip Grotius, laut merupakan hak milik semua dan dengan wujudnya idea kebebasan dalam keabsahan untuk perluasan wilayah telah menimbulkan saingan untuk mengembangkan kekuatan mereka dengan eksloitasi laut secara ekonomi dan eksplorasi mineral berharga sesuai dengan prinsip kebebasan di Laut Dalam. Walau bagaimana pun, idea sebenar ‘Warisan Bersama Manusia Sejagat’ ini bukanlah baru disebabkan idea ini pernah dibentangkan pada tahun 1958 oleh Presiden pada Undang-undang Laut Antarabangsa pertama namun tidak pernah dibincangkan di forum antarabangsa.<sup>34</sup>

Hasil cadangan idea Dr Arvid pada tahun 1967 itu telah diterima dengan reaksi berbeda-beda dari negara maju dan negara-negara membangun (dunia ketiga). Bagi negara maju, ia merupakan halangan terhadap perluasan kuasa dan hak mereka. Ini sesuai dengan apa yang diungkapkan dalam Proklamasi Truman pada tahun 1945 bahawa negara-negara pesisiran pantai mempunyai hak terhadap pelantar benua sehingga 200 batu nautika. Manakala bagi negara-negara membangun, ia merupakan pengiktirafan dan kejayaan terhadap suara mereka dalam menentukan undang-undang di dalam perjanjian, persetiaan dan konferensi di peringkat antarabangsa.

Negara-negara membangun menerima dan mengesahkan konsep ini dengan dua sebab. Pertama, kebanyakan negara membangun merupakan pengeluar bahan galian di daratan yang sama dijumpai di dasar laut dan negara maju merupakan pengguna sebahagian besar bahan-bahan galian di dunia ini. Negara membangun sangat khuatir jika sekiranya negara maju melombong di dasar laut permintaan terhadap bahan galian akan berkurang dan ini secara langsung akan menjatuhkan harga bahan galian tersebut. Oleh yang demikian, disebabkan kebanyakan ekonomi negara membangun banyak bergantung kepada eksport bahan galian sebagai sumber pendapatan, maka negara membangun melihat perkongsian kewangan yang

---

<sup>34</sup> Bernardo Zuleta, *Introduction, The Law of the Sea, Official Text of the United Nations Conference on the Law of the Sea*, muka surat xx.

dapat hasil dari melombong di dasar laut sebagai ganti rugi terhadap kerugian pendapatan disebabkan kejatuhan harga.

Kedua dan juga yang paling utama adalah permintaan untuk perubahan bagi negara-negara membangun di dalam Orde Ekonomi Antarabangsa yan baru (NIEO). NIEO ditubuhkan bagi memastikan pembahagian yang saksama berhubung sumber galian dan pendapatan diantara negara maju dan membangun. Dengan pembahagian sebegini hasil dari eksplorasi di dasar laut diantara semua pihak yang terlibat kelebihan negara maju yang memiliki teknologi melombong akan dikongsi dengan negara membangun.Oleh yang demikian, kebanyakkan negara membangun melihat konsep warisan ini sebagai penyelamat ekonomi mereka.<sup>35</sup>

Bertitik tolak dari ucapan inilah maka akhirnya membawa terhasil dua lagi perjanjian penting iaitu Deklarasi Moratorium dan Deklarasi berhubung Prinsip Mengkanun di Laut Dalam bagi mengukuhkan Konsep Warisan Sejagat yang sangat penting mengawal polimetalk di dasar laut dalam. Apabila memperkatakan prinsip ini ia juga mempunyai prinsip asas yang juga di aplikasi di dalam perjanjian atau persetiaan lain seperti Persetiaan Bulan, Perjanjian Antartika yang turut sama menggunakan pakai konsep Warisan Sejagat ini.

### **Prinsip Asas Konsep Warisan Bersama Manusia Sejagat**

Kebanyakkan penulis Undang-Undang Antarabangsa telah mengklasifikasikan lima prinsip penting tersebut antaranya kedaulatan terhadap dasar laut dalam dalam, penggunaan laut dalam bagi tujuan keamanan, perkongsian manfaat hasil eksplorasi, perkongsian pengurusan dalam menguruskannya, dan mengekalkan untuk generasi masa hadapan. Peruntukan undang-undang laut di dalam UNCLOS 1982 secara jelas menyatakan konsep ini di dalam Artikel 136 hingga Artikel 142.

Artikel 137(1) di dalam undang-undang laut PBB menyatakan tiada mana-mana negara boleh menuntut kedaulatan sesebuah kawasan (di laut dalam) atau terhadap sumbernya. Selain itu,

---

<sup>35</sup> Boleslaw Boczek, *ideology and the Law of the Sea: The Challenge of the New International Economic Orders* (1984) 7 Boston College International and Comparative Law Review 1.

peruntukan ini juga secara tidak langsung tidak mengiktiraf hak mana-mana negara untuk eksplorasi dan eksploitasi kawasan sepermata di atas.

Oleh yang demikian, beberapa negara maju khususnya telah meluluskan rang undang-undang di peringkat nasional bagi menghalalkan tindakan mereka. Ini termasuklah Akta Sumber Mineral di Dasar Laut Dalam 1980 Amerika Syarikat, Undang-undang Eksplorasi dan Eksploitasi Sumber Mineral di Laut Dalam 1982 Perancis, Akta Peruntukan Sementara Perlombongan Laut Dalam 1981 United Kingdom dan sebagainya.

Kesemuanya ini menunjukkan keangkuhan dan rasa tidak puas hati negara maju yang tidak bersetuju dengan pendirian masyarakat antarabangsa berhubung sumber galian di laut dalam yang sangat penting di dalam bidang elektrik dan elektronik.

### **Dengan Tujuan Keamanan ( Peaceful Purpose)**

Frasa dengan tujuan keamanan tidak didefinisikan secara spesifik di dalam mana-mana konvensyen, perikatan atau perjanjian di peringkat antarabangsa. Ini termasuklah di dalam Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa 1982 tiada rujukan apa yang dimaksudkan di dengan tujuan keamanan. Ini dapat dilihat tujuan keamanan tadi dalam Artikel 141 UNCLOS menyatakan

*'Kawasan itu adalah terbuka untuk digunakan secara eksklusif dengan tujuan keamanan bagi semua negara, sama ada negara pesisir atau 'land locked', tanpa ada mana-mana diskriminasi dan prejudis terhadap peruntukan yang lain di dalam bahagian ini.'*<sup>36</sup>

Kewujudan ‘Perikatan Antartika’ berhubung makna dengan tujuan keamanan boleh dilihat didalam Artikel 1 dimana

---

<sup>36</sup> Article 141, UNCLOS 1982, Use of the Area exclusively for peaceful purposes, ‘The Area shall be open to use exclusively for peaceful purposes by all States, whether coastal or landlocked, without discrimination and without prejudice to the other provisions of this Part.’

*'Kawasan Antartik hanya boleh digunakan untuk tujuan keamanan sahaja.'*<sup>37</sup>

Selain itu, peruntukan ini perlu dibaca bersama-sama dengan '*...apa-apa tindakan yang boleh dikelaskan sebagai tindakan ketenteraan secara semulajadi seperti penubuhan kem ketenteraan, membawa bahan-bahan keperluan ketenteraan dan termasuk juga apa-apa ujian senjata*'<sup>38</sup> menjadikan maksud tujuan keamanan di dalam Perikatan Antartika kepada maksud jauh dari tindakan ketenteraan.

Walau pun begitu, pemahaman terhadap tujuan keamanan perlu dilihat di dalam skop yang lebih luas. Contohnya Artikel 90, UNCLOS 1982 sendiri tidak membenarkan pembawaan senjata nuklear dalam tujuan pelayaran di Laut Lepas di mana-mana negara. Peruntukan yang sama terdapat di dalam Persetiaan Bulan yang melarang penggunaan senjata 'mass destruction' dan nuklear di kawasan tersebut. Secara asasnya, ia juga menunjukkan atas alasan perang dan penggunaan senjata tidak boleh digunakan dalam kawasan laut ini.

### **Pihak Berkuasa Dasar Laut Antarabangsa ( ISA)**

Peruntukan Artikel 156(1) UNCLOS 1982 membenarkan kuasa di jalankan badan berkuasa yang dikenali namanya dengan Pihak Berkuasa Dasar Laut Antarabangsa (ISA). Badan berkuasa ini berpusat di Jamaica<sup>39</sup> selari dengan peruntukan di dalam UNCLOS 1982. ISA ditubuhkan bagi mengurus dan mengawal aktiviti di kawasan yang dilombong dasar laut dalamnya atau lebih dikenali '*kawasan*'(Area).<sup>40</sup> Justeru, kuasa dan fungsi ISA diperuntukkan secara jelas di dalam UNCLOS 1982<sup>41</sup> sebagai menghormati dan berfungsi badan tertinggi mengurus '*kawasan*' tersebut.

---

<sup>37</sup> Article 1, Antarctic Treaty, 'Antarctica shall be used for peaceful purposes only.'

<sup>38</sup> Edward Guntrip, '*The Common Heritage of Mankind: An Adequate Regime For Managing the Deep Seabed?*', Melbourne Journal of International Law, 2003, Vol 4.

<sup>39</sup> Artikel 156(4) UNCLOS 1982

<sup>40</sup> Artikel 157 (1) UNCLOS 1982

<sup>41</sup> Artikel 157 (2) UNCLOS 1982

Berdasarkan Artikel 158(1) UNCLOS 1982, terdapat tiga badan penting di dalam ISA termasuklah Perhimpunan di mana semua negara-negara yang menjadi ahlinya menandatangani UNCLOS 1982 dan mempunyai kuasa mengundi.<sup>42</sup> Kedua, Majlis yang dibentuk berdasarkan komposisi tertentu mewakili pihak yang berkepentingan dan terakhir adalah badan Sekretariat.<sup>43</sup> Perhimpunan merupakan badan tertinggi<sup>44</sup> dimana badan lain bertanggungjawab (accountability) dan kuasanya dijelaskan di dalam peruntukan Artikel 160 UNCLOS 1982 dan ahli-ahlinya mempunyai seorang wakil bagi mewakili negara masing-masing.<sup>45</sup>

Majlis pula merupakan badan eksekutif yang menentukan dasar bagi Pihak Berkuasa (ISA) berfungsi yang terdiri daripada 36 ahli Majlis yang dipilih melalui Perhimpunan<sup>46</sup> berdasarkan komposisi yang telah dipersetujui. Empat ahli Majlis dipilih berdasarkan sumbangan melebihi 2 peratus dari jumlah keseluruhan import dunia dari sumber galian yang di gali di ‘*kawasan*’.<sup>47</sup> empat negara yang mempunyai pelaburan yang terbesar di dalam operasi dan aktiviti di ‘*kawasan*’.<sup>48</sup> Empat ahli Majlis yang merupakan pengeksport utama di ‘*kawasan*’ termasuklah dua negara membangun mempunyai kaitan dan kepentingan ekonomi terhadapnya.<sup>49</sup> Enam ahli Majlis yang dipilih daripada negara membangun<sup>50</sup> dan 18 ahli Majlis lain dipilih berdasarkan rantau yang terdiri daripada Afrika, Asia, Eropah Selatan, Amerika Latin dan Eropah Barat dan sebagainya.<sup>51</sup>

Artikel 166 (1) UNCLOS 1982 menetapkan badan ini perlulah diketuai Setiausaha Agung dan kakitangan lain. Setiausaha Agung mestilah dipilih setiap empat tahun dari Perhimpunan yang terdiri daripada calon yang dicadangkan Majlis dan boleh dipilih semula.<sup>52</sup> Beliau berperanan sebagai Ketua Pegawai Pengurusan bagi Pihak Berkuasa (ISA) dan bertanggungjawab

---

<sup>42</sup> Artikel 159(6) UNCLOS 1982

<sup>43</sup> Artikel 158 (1) UNCLOS 1982

<sup>44</sup> Artikel 160(1) UNCLOS 1982

<sup>45</sup> Artikel 156(2), Artikel 159 dan Artikel 160 UNCLOS 1982

<sup>46</sup> Artikel 161 (1) UNCLOS 1982

<sup>47</sup> Artikel 161 (1) (a) UNCLOS 1982

<sup>48</sup> Artikel 161(1) (b) UNCLOS 1982

<sup>49</sup> Artikel 161 (1) (c) UNCLOS 1982

<sup>50</sup> Artikel 161 (1) (d) UNCLOS 1982

<sup>51</sup> Artikel 161 (1) (e) UNCLOS 1982

<sup>52</sup> Artikel 166 (1) dan Artikel 166 (2) UNCLOS 1982

menyediakan laporan tahunan kepada ISA yang akan membahaskan di dalam Perhimpunan setiap tahun.<sup>53</sup>

### **Pembahagian secara saksama**

Peruntukan asal berkaitan pembahagian terhadap hasil dan manfaat sumber galian dari dasar Laut Dalam terkandung di dalam Artikel 160(2)(f)(i) UNCLOS. Walau bagaimana pun setelah Perjanjian 1994, ia dijelaskan kembali di dalam Annex seksyen 7. Edward Guntrip berpandangan walaupun kedua-dua bahagian menjelaskan asas bagi pembahagian ini namun ia hanya boleh diterjemahkan berdasarkan kes sahaja.<sup>54</sup> Kriteria yang diterima pakai banyak bergantung sejauh mana pembahagian manfaat ini mampu membantu negara-negara membangun, keadaan ekonomi negara yang terjejas dengan perlombongan ini dan sebagainya.<sup>55</sup> Walaupun wujud klausa ini namun isu yang dipertikaikan terhadap perlombongan di dasar laut dalam secara komersial ini hanya dapat diperuntukan jumlah dana bagi membantu negara yang menerima kesan setelah aktiviti ini berjalan.

### **Perjanjian 1994**

Perjanjian 1994 diusahakan pada awalnya Setiausaha Agung PBB Javier Perez de Cuellar yang memulakan konsultasi secara informal setelah Amerika Syarikat dengan tegas menolak bahagian XI, perlombongan di dasar laut dalam di dalam UNCLOS 1982. Setelah itu, usaha diteruskan Boutros-boutros Ghali dan memperlihatkan kepentingan penerimaan UNCLOS diterima pada akhir tahun 1993. Akhirnya pada tanggal 28 Julai 1994, di Perhimpunan Agung Perjanjian 1994 diterima dengan 121 undi.<sup>56</sup>

---

<sup>53</sup> Artikel 166 (3) dan Artikel 166 (4) UNCLOS 1982.

<sup>54</sup> Edward Guntrip, ‘*The Common Heritage of Mankind: An Adequate Regime For Managing the Deep Seabed?*’, Melbourne Journal of International Law, 2003, Vol 4.

<sup>55</sup> Artikel 151 (10) UNCLOS 1982

<sup>56</sup> Jonathan I Charney, *Law of the Sea Forum, The 1994 Agreement on Implementation of the Seabed Provisions of the Convention Law of the Sea*, American Journal of International Law, 1994, muka surat 687

Peranan negara seperti Amerika Syarikat dan negara maju yang lain sangat penting dalam usaha membangunkan perlombongan di dasar laut dalam kerana hanya negara tersebut mempunyai teknologi untuk mengeluarkan sumber galian dari dasar laut di kawasan tersebut.<sup>57</sup> Justeru, Perjanjian 1994 sangat signifikan dimana dengan penerimaan ini maka usaha membangunkan teknologi ini dapat dikongsi dengan negara lain khususnya negara membangun, negara mundur dan negara yang terkesan dengan hasil perlombongan itu. Walau bagaimana pun, secara asasnya juga ia menghakis kuasa dan tujuan konsep warisan bersama ini diwujudkan.

Antara prinsip penting konsep Warisan ini adalah pembentukan satu badan pengurusan yang dikenali Pihak Berkuasa Dasar Laut Dalam Antarabangsa (ISA). Perjanjian 1994 telah menukar sistem pembuat keputusan di dalam ISA dimana keputusan bagi sesebuah individu/organisasi negara yang terlibat dalam perlombongan sumber galian di dasar laut dalam boleh mengatasi kepentingan manusia secara keseluruhannya (*the interest of mankind*).

Ini kerana diperingkat awal negara Amerika Syarikat menentang sistem asal pembentukan keputusan dengan alasan ‘tidak adil dan tiada keperluan membahagikan hasil kepada negara membangun yang mana tidak menyumbang atau sedikit sumbangan di dalam pelaburan operasi perlombongan sumber galian tersebut. Idea dan pandangan ini dikongsi negara-negara maju yang lain dan kesannya tiada penerimaan antarabangsa khususnya negara maju terhadap UNCLOS maka Perjanjian 1994 dipinda proses pembentukan keputusan di dalamnya. Setelah itu, barulah negara maju bersetuju menandatangani UNCLOS 1982.

Perjanjian 1994 telah menukar hubungan di antara Perhimpunan dan Majlis dimana dasar amnya ditentukan bersama-sama Perhimpunan dan Majlis. Justeru, disebabkan dasar ditentukan Majlis dimana negara maju biasanya di pilih memandangkan kekuatan ekonomi maka boleh dikatakan dasar Pihak Berkuasa (ISA) mempunyai pengaruh dan memberi manfaat kepada negara maju seperti Amerika Syarikat. Perhimpunan hanya diberikan kuasa ‘residual power’ sepetimana di dalam peruntukan Annex 3(4) di dalam Perjanjian 1994.

---

<sup>57</sup> Ibid, muka surat 713.

## Konsep Warisan Bersama Manusia Sejagat Dari Kaca Mata Islam

Islam sebagai Ad- Din atau cara hidup bukan sahaja telah memberikan satu panduan sebagai muslim yang baik sejak Ia diturunkan malahan peranannya mencakupi dari semua aspek kehidupan manusia termasuklah tingkahlaku, bermuamalat, beragama dan sebagainya. Perbandingan yang tepat bagi mengambarkan konsep warisan ini tidak dapat dicari secara tepat namun terdapat beberapa ayat Quran dan hadith Nabi s.a.w yang boleh menerima pakai konsep ini. Ini kerana dalam pembentukan hukum di dalam agama Islam, Al Quran dan Sunnah menjadi sumber utama berbanding Qiyas, Ijtihad dan sebagainya menjadi sumber sekunder.

Selain itu, perbandingan konsep ini juga perlu dilihat dalam aspek *Maqasid Al Syariah* dimana sama ada ia menyalahi objektif yang dituntut oleh Syariah (agama, hidup, keluarga, akal dan harta benda). Oleh yang demikian, ALLAH telah menekankan beberapa aspek penting konsep warisan bersama di dalam konsep persaudaraan di dalam Islam dimana ia diterjemahkan jauh lebih luas berbanding konsep Barat. Ia termasuklah konsep sebagai satu bangsa yang di tuntut tanpa melihat kepada ras, warna kulit, atau bangsa.<sup>58</sup>

*Rasullullah s.a.w juga pernah bersabda kaum Arab itu tidaklah mengatasi kaum bukan Arab, yang cerah tidak mengatasi yang bukan cerah, atau sebaliknya. Kesemua mereka adalah merupakan anak Adam.*

Dalam ayat 13 surah di dalam Al Quran yang lain,

*Wahai sekalian manusia, aku ciptakan kamu dari lelaki dan wanita dan menjadikan kamu berbangsa- bangsa dan berpuak-puak supaya kamu dapat berkenal-kenalan dan tidak memandang hina antara satu sama lain.*

Selain itu, ia perlu dilihat dimana ALLAH menjadikan manusia sebagai khalifah di muka bumi Nya. Dan menjadi tanggungjawab manusia untuk mengurus dan melestarikan kehidupan di bumi

---

<sup>58</sup> Weramanthy, Islamic Jurisprudence, muka surat 133.

agar manusia dapat tinggal di situ bukan sahaja untuk dirinya tetapi untuk generasi masa hadapan juga. Ini dapat dilihat dari ayat Al-Quran, surah Al-An'am ayat 165 yang membawa maksud:

*Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa darjat, untuk menguji mu tentang apa yang diberikan Nya kepada mu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat seksaan Nya dan sesungguh Dia maha Pengampun Lagi Maha Penyayang.*

Kehidupan dan sumber di dalam laut juga merupakan sebahagian anugerah dan nikmat ALLAH kepada manusia. Justeru, manusia berhak mengambil manfaat dengan mengeksplorasi darinya namun tidak lah sampai eksplorasi itu secara berlebihan sehingga menyebabkan generasi berikutnya tidak dapat menikmati hasilnya.<sup>59</sup> Justeru, terdapat beberapa tatacara dan etika dalam menggunakan laut yang digariskan secara asasnya antaranya tidak melanggar norma-norma agama, tidak melakukan eksplotasi secara berlebihan, dan melakukan rehabilitasi (ishlah) apabila telah menyedari kerosakan yang membinaaskan itu dan sebagainya.<sup>60</sup>

Allah menjadikan manusia sebagai khalifah menunjukkan faktor penting manusia dimana sebagai makhluk yang mampu dan serta harus berfikir dengan mengeksplotasi alam secara adil dan saksama untuk generasi mereka dan anak bangsa mereka di masa hadapan. Justeru, gambaran manusia sebagai hamba yang bersyukur tidak harus wujud dalam bentuk *eksploitasi* semata-mata sumber galian yang ada di dalam bumi tidak kira darat atau bumi malahan di lautan juga bahkan ia juga harus berbentuk *apresiasi* terhadap kekayaan alam ini.<sup>61</sup> Oleh itu, jika manusia dan pemimpin negara memahami peranan masing-masing sepertimana yang dipedomankan di dalam Al-Quran dan konsep-konsep positif Islam yang lain seharusnya ia mampu diterjemahkan untuk penyelesaian masalah ummah secara keseluruhannya.

---

<sup>59</sup> Ahmad Yusam Thobroni, Fikih Kelautan II Etika Pengelolaan Laut Dalam perspektif Al Quran, Al Fikra Jurnal Ilmiah Keislaman, Vol. 7, No.2, Julai – Disember 2008.

<sup>60</sup> Ahmad Yusam Thobroni, Fikih Kelautan II Etika Pengelolaan Laut Dalam perspektif Al Quran, Al Fikra Jurnal Ilmiah Keislaman, Vol. 7, No.2, Julai – Disember 2008.

<sup>61</sup> Ahmad Yusam Thobroni, Fikih Kelautan II Etika Pengelolaan Laut Dalam perspektif Al Quran, Al Fikra Jurnal Ilmiah Keislaman, Vol. 7, No.2, Julai – Disember 2008.

## PENUTUP DAN CADANGAN

Perjanjian pada tahun 1994 telah menjadikan Konsep Warisan Bersama Manusia Sejagat tidak berguna lagi. Ini kerana bagi menjadikan UNCLOS di terima dan digunakan dan menepati asas kewujudan konsep ini adalah pembahagian yang saksama khususnya kepada negara membangun dan mundur (dunia ketiga) yang telah dieksplotasi hasilnya di waktu zaman dijajah.

Persoalan mengapa pandangan dunia ketiga sangat penting diperincikan di dalam kertas ini dengan beberapa sebab. Menyorot sejarah negara dunia ketiga hampir kesemua negara ini terdiri daripada negara-negara membangun dan negara mundur. Pada awal kemunculan kebanyakan negara ini adalah pada lewat 1950 an dan 1960 an dimana negara-negara ini baru mendapat kemerdekaan dan mempunyai persamaan dijajah sebelum Perang Dunia Kedua. Kewujudan kelompok ‘baru’ ini di dalam organisasi badan dunia menyebabkan mereka membentuk kumpulan majoriti dalam beberapa badan dunia antarabangsa namun sistem kebanyakan organisasi dunia yang tidak adil dan saksama gagal membantu negara yang miskin terus miskin dan negara maju terus kaya.

Persamaan pengalaman sejarah dari segi budaya, pengambilan hasil sumber asli secara keterlaluan dan penderitaan ketika di jajah merupakan antara sebab kedudukan ekonomi negara ini masih di belakang dan mundur. Walau pun negara-negara ini masih lagi dalam proses memperjuangkan kebebasan politik, membangunkan ekonomi negara, namun negara-negara ini masih lagi memberi sumbangan penting dan menikmati hak di bawah undang-undang antarabangsa sepertimana mana-mana negara berdaulat yang lain khususnya negara maju. Kedudukan yang sama ini termasuklah hak membentuk aturan antarabangsa dan penglibatan di dalam proses perundangan antarabangsa.

Walau pun negara dunia ketiga, mengandungi dan menyumbang sebahagian besar sumber tenaga bumi dan bahan mentah yang lain, 75 peratus menyumbang minyak dunia, namun ia hanyalah sebahagian kecil kekayaan yang digunakan untuk negara ini sendiri dan sebahagian besarnya adalah untuk memenuhi tuntutan dan keperluan negara maju sebagai negara perindustrian.

Merujuk kepada perbahasan kertas ini diatas system yang diterima pakai lari dari system Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam merungkaikan masalah sejagat. Kepentingan kuasa besar dan di dalam konteks undang-undang laut antarabangsa, negara maju mendominasi dengan Perjanjian 1994 yang menukar system pembuat keputusan. Atas dasar ingin mencapai kata sepakat demi kepentingan sejagat, Perjanjian 1994 diusahakan dan Berjaya dalam mencapai pengiktirafan semua negara bangsa tetapi gagal mencapai objektif asal Arvid Pardo membantu negara dunia ketiga.

Oleh itu, sepertimana yang dirujuk Shigeru Oda, konsep warisan bersama sebenarnya masih gagal mendefinisikan ‘perkongsian’ sumber laut. Kegagalan ini bukanlah merujuk kepada kegagalan undang-undang laut semata-mata tetapi lebih kepada perkara *wadah politik* (political will)<sup>62</sup> dan ekuiti dimana pertembungan negara maju dan negara membangun tidak sealiran dan tidak mampu mengetepikan kepentingan masing-masing demi manusia secara amnya dan demi kepentingan generasi masa depan khususnya.

Oleh yang demikian, konsep ekuiti sebenarnya mempunyai harapan sebagai jalan penyelesaian namun persoalan penyelesaian katanya bukan mudah dan semata-mata berasaskan kepada aturan dan regulasi undang-undang dan ia juga bukan subjek kepada penentuan kehakiman dimana norma perundangan hanya mempunyai peranan kecil sahaja.<sup>63</sup> Keputusan yang lebih penting dalam menentukan kemapanan sumber galian di lautan bagi dasawarsa masa hadapan harus kembali kepada kepentingan asas manusia. Dengan cara itu, konsep warisan bersama manusia sejagat ini dapat diimplementasikan semaksimumnya.

Maka disinilah Islam mengambil alih peranan dan telah menunjukkan adanya keperluan mengguna dan menerima pakai konsep ini untuk kepentingan manusia sejagat keseluruhannya. Ini dapat dilihat berdasarkan sandaran bahawa Islam telah meletakkan konsep keadilan, kesaksamaan tanpa mengira bangsa dan pengeksplorasyon yang tidak keterlaluan yang kebetulan

---

<sup>62</sup> Shigeru Oda, *Comment: Some Reflections on Recent Developments in the Law of the Sea*, The Yale Journal of International Law, 2002, muka surat 1.

<sup>63</sup> Shigeru Oda, *Comment: Some Reflections on Recent Developments in the Law of the Sea*, The Yale Journal of International Law, 2002, muka surat 4.

sealiran dengan konsep warisan bersama manusia sejagat yang tujuan akhirnya demi jaminan generasi masa hadapan.

## **BUKU**

Frederick E. Snyder / Surakiart Sathirathai, *Third World Attitudes Toward International Law An Introduction*, Martinus Nijhoff Publishers, 1987

S. K Agrawala, T.S Rama Rao & J.N Saxena, *New Horizons of International Law and Developing Countries*, 1983

Antonio Cassese, *International Law in a Divided World*, Oxford Universit Press, 1986

## **ARTIKEL**

Jack N. Barkenbus, *The Politics of Ocean Resource Exploitation*, International Studies Quarterly, Vol. 21 No. 4, 1977

Edward Guntrip, *The Common Heritage of Mankind: An Adequate Regime For Managing The Deep Seabed?*, Melbourne Journal of International Law, Vol. 4

B. Vijay Kumar, *India And The Common Heritage Concept in the International Seabed Area*, current Science, Vol. 86, No. 6, 25 March 2004

A.O. Adede, *The System For Exploitation of The ‘Common Heritage of Mankind’ At the Caracas Conference*, The American Journal of International Law, Vol 69. 1975

Philip Allott, *Power Sharing In the Law of the Sea*, The American Journal of International Law, Vol. 77, 1983

Thomas Brauninger, Thomas Konig, *Making Rules for Governing Global Commons The Case of Deep Sea Mining*, Journal of Conflict Resolution, Vol. 44 No. 5, October 2000 604-629

S. Jayakumar, 2005, *Speeches UNCLOS Two Decades On*, Singapore Year Book of International Law, (2005) 9 SYBIL 1-8, muka surat 2.